

27/10/1997

Badan penasihat bendung Aids

MANILA, Ahad - Kerajaan Malaysia perlu membentuk segera Jawatankuasa Penasihat Kabinet mengenai Aids untuk membendung merebaknya HIV yang menyebabkan Aids.

Presiden Majlis Aids Malaysia, Datuk Paduka Marina Mahathir berkata Malaysia perlu memerangi wabak itu kerana lebih 21,000 dijangkiti HIV/Aids di seluruh negara sejak 1993, katanya kepada pemberita di sini dan mencadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempengerusikan jawatankuasa itu manakala pakar Aids menjadi anggotanya. - Bernama

(END)